

08 JUN 2001

MAHATHIR-MATAWANG (Bergambar)

MATAWANG ANTARABANGSA BAGI PERDAGANGAN ANTARABANGSA PERLU DIWUJUDKAN,
KATA MAHATHIR

Oleh: Jamaluddin Muhammad

TOKYO, 8 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata satu bentuk matawang antarabangsa perlu diwujudkan di mana ianya bukan milik hanya sebuah negara dan boleh digunakan bagi pembayaran semua perdagangan antarabangsa.

Perdana Menteri, yang kini sedang dalam rangka lawatan selama empat hari ke Jepun berkata, pendapatan daripada matawang ini perlu disimpan segera di bank pusat sesebuah negara, dan matawang tempatan dikeluarkan bagi urusan niaga tempatan.

"Rizab mesti dipegang dalam hanya matawang antarabangsa ini dan bukan dalam sejumlah matawang," katanya dalam ucaptamanya bertajuk "Melangkaui Globalisme dan Globalisasi," di Persidangan Antarabangsa Nikkei Ke Tujuh bagi Masa Depan Asia di Imperial Hotel, di sini.

Beliau berkata kadar pertukaran matawang tempatan sepatutnya berasaskan kepada satu matawang ini (matawang antarabangsa).

"Matawang tidak seharusnya diniagakan sebagai komoditi," kata Dr Mahathir, yang kini juga memegang jawatan Pemangku Menteri Kewangan.

Dr Mahathir berkata jika terdapat keperluan untuk menilai semula (matawang tempatan) berbanding matawang antarabangsa, satu panel bank-bank pusat dan Bank Antarabangsa perlu menentukan kadar pertukaran yang sesuai.

"Kewangan dan perdagangan antarabangsa tidak sepatutnya dikuasai oleh mana-mana negara," kata beliau.

Beliau berkata: "Jika kita bersedia untuk menghapuskan ide kita amat berpengaruh kerana kitalah yang paling kaya dan berkuasa, maka kita sememangnya telah bersedia menuju melangkaui globalisasi."

Perdana menteri juga memberi amaran yang oligopoli dan monopoli tidak semestinya merupakan ciri utama globalisasi.

Mungkin terdapat had-had perundangan kepada proses penggabungan dan saiz syarikat-syarikat, dan dalam apa juga perniagaan, jumlah peserta yang agak besar mesti dipastikan, kata beliau.

"Persaingan perlu diselia oleh satu set peraturan bagi menjamin bukan satu pihak sahaja yang mendapat keuntungan, tetapi semua pihak yang terlibat mendapat bahagian yang adil dan saksama," kata beliau.

Dr Mahathir berkata mesti terdapatnya bank-bank dan perniagaan yang bersifat nasional dan antarabangsa.

Yang lemah, kata beliau, patut dilindungi menurut satu set peraturan yang telah dipersetujui di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata penggabungan kumpulan gergasi dan penggabungan kumpulan-kumpulan gergasi yang telah bergabung akan menjadikannya lebih besar dan kukuh, sekali gus menjadikan persaingan berat sebelah.

"Kumpulan-kumpulan yang lebih kecil akan sama ada kehilangan ataupun terhapus, lantas menyebabkan keruntuhan ekonomi dan sosial yang teruk ataupun mereka beralah untuk diambil-alih," kata beliau.

Dr Mahathir berkata akhirnya terdapat hanya satu peserta dalam satu industri dan kemudiannya persaingan akan tamat.

Beliau berkata pemenang akan menjadi entiti yang bongkak dan suka menguasai, mengaut segala keuntungan dengan mengorbankan kualiti, kecekapan dan pertimbangan sosial.

Dunia akan dilayan secara buruk oleh gergasi yang mempunyai monopoli yang mungkin bergabung untuk menjadi lebih berkuasa, kata beliau.

Kerajaan tidak akan boleh mengawal mereka kerana kerajaan akan bergantung sepenuhnya kepada mereka.

"Mereka akan menentukan siapa yang akan mentadbir negara-negara. Penguasaan mereka akan menjadi mutlak.

"Big Brother, modal yang besar akan memerintah dunia dan yang miskin dan yang lemah perlu tunduk," katanya.

Dr Mahathir berkata dunia hari ini teramat kaya kerana gabungan teknologi dan sumber-sumber semulajadi telah memungkinkan kewujudan kekayaan tanpa batasan.

Kekayaan itu lebih daripada mencukupi untuk membanteras kemiskinan sama sekali, kata beliau.

"Jadi, apa maknanya globalisma dan globalisasi," tanya beliau.

Beliau berkata kemungkinan berlakunya penindasan secara total terhadap mereka yang lemah oleh mereka yang gagah kerana kapitalisma boleh menyebabkan rusuhan ataupun mungkin terdapatnya dunia demokrasi di mana sumber-sumber dunia digabungkan dengan kebijaksanaan manusia untuk mewujudkan tamadun manusia yang terbesar.

Persidangan tahunan ini dianjurkan oleh kumpulan media Jepun Nihon Keizei Shimbun. -- BERNAMA

JM ES/MR AA JR